

ALIFF ANWAR PENERIMA ANUGERAH KHAS MALAYSIA INSTITUTE OF ACCOUNTANTS

Pelajar Tahun Akhir Program Perakaunan, Mohd Aliff Anwar Abu Bakar, baru-baru ini telah menerima Anugerah Khas Kecemerlangan Akademik dari Malaysia Institute of Accountants (MIA). Beliau menerima anugerah tersebut atas kecemerlangan akademik selain penglibatan ko-kurikulum sepanjang pengajian beliau di Universiti Malaysia Sabah. MIA, yang merupakan salah satu badan professional Perakaunan, memberikan anugerah tersebut kepada setiap pelajar perakaunan yang cemerlang di setiap universiti tempatan. Hadiiah disampaikan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Idris Haron pada satu majlis yang berlangsung di Sunway Resort & Hotel pada Julai 2008. Ketika ditanya selepas majlis tersebut, Aliff Anwar menyatakan rasa terharu dan berbangga atas anugerah yang diterima dan ia menjadi pembakar semangat untuk mencapai kejayaan yang lebih baik di masa hadapan.

